



KU Mohamad menerima anugerahnya di Mini Filem Festival ke-10 anjuran Universiti Malaysia Sarawak.

UMS menang Anugerah Kesan Visual Terbaik

UB 12-6-2014 A5

KOTA KINABALU: Pelajar Tahun Akhir Program Teknologi Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) memenangi Anugerah Kesan Visual Terbaik pada Mini Filem Festival ke-10 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini.

Dengan menggunakan lebih 70 peratus kesan khas visual, filem bertajuk 'The Bloody Night' yang dihasilkan Ku Mohamad Khairul Zaidi Ku Din berjaya mengetepikan beberapa institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan, Universiti Teknologi Swinburne, Curtin University, Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICATS), SEGi College untuk muncul juara festival.

Ketika ditemui, beliau berkata kemenangan dalam pertandingan itu merupakan hasil kerja kerasnya

menghasilkan sesuatu yang berbeza dengan menggunakan ilmu filem yang dipelajari melalui kursus-kursus yang ditawarkan Program Teknologi Seni Visual, FKSW.

Katanya, sokongan dan bimbingan para pensyarah dan rakan-rakan kuliah turut mempengaruhi usaha beliau untuk menghasilkan filem yang menggunakan kesan visual sebagai latar filem.

"Dalam pembelajaran, kami sering dicabar oleh pensyarah untuk menggunakan teknologi dan teknik berkaitan kesan visual dalam menghasilkan sesebuah karya. Ini penting bagi membolehkan kami bersaing dan menceburi dunia perfileman sebenar yang kini banyak menggunakan teknologi baru itu," katanya.

Sementara itu, penasihat projek Adley Bromeo Bianus memberitahu bahawa FKSW melalui Program Teknologi Seni Visual dan Program Seni Kreatif akan terus menghantar karya-karya filem terbaik

untuk menyertai pertandingan filem yang diadakan di luar UMS.

Malah katanya, langkah untuk mengembangkan bakat pelajar dalam bidang perfileman melalui hasil karya bermutu telah dimulakan oleh pihak UMS sendiri melalui pertandingan filem yang dikenali sebagai Anugerah Skrin Digital pada tahun lalu.

"Bagi memastikan UMS mampu bersaing dengan IPT lain dalam bidang perfileman, kami mencari kelainan dengan memfokuskan penggunaan kesan khas digital dalam filem yang dihasilkan. Selain itu, kami juga menggalakkan pelajar menjadikan cerita bersumberkan sejarah dan latar negeri Sabah sebagai bahan karya," katanya.

Beliau turut menyuarakan harapan agar kemenangan Ku Mohammad akan mendorong para pelajar lain untuk terus menghasilkan filem-filem yang terbaik dan mampu berdaya saing.